



31 Mei 2023  
31 May 2023  
P.U. (B) 177

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

**NOTIS PENENTUAN AWAL NEGATIF  
PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN  
DENGAN IMPORT PRODUK GULUNGAN SEJUK KELULI  
ALOI ATAU BUKAN ALOI DENGAN KELEBARAN KURANG  
DARIPADA 1300MM (PENGURANGAN SEJUK) TIDAK  
BERSALUT, TIDAK BERSADUR ATAU TIDAK BERSEPUH  
(DALAM BENTUK GEGELUNG, KEPINGAN, JALUR,  
GELUNG ATAU APA-APA BENTUK LAIN) YANG BERASAL  
ATAU DIEKSPORT DARI JEPUN**

***NOTICE OF NEGATIVE PRELIMINARY DETERMINATION OF  
AN ANTI-DUMPING DUTY INVESTIGATION WITH REGARD  
TO IMPORTS OF COLD ROLLED PRODUCTS OF ALLOY OR  
NON-ALLOY STEEL OF A WIDTH LESS THAN 1300MM  
(COLD-REDUCED) NOT CLAD, NOT PLATED OR NOT  
COATED (IN COIL, SHEET, STRIP, HOOP OR ANY OTHER  
FORMS) ORIGINATING OR EXPORTED FROM JAPAN***

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN AWAL NEGATIF PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT PRODUK GULUNGAN SEJUK KELULI ALOI ATAU BUKAN ALOI DENGAN KELEBARAN KURANG DARIPADA 1300MM (PENGURANGAN SEJUK) TIDAK BERSALUT, TIDAK BERSADUR ATAU TIDAK BERSEPUH (DALAM BENTUK GEGELUNG, KEPINGAN, JALUR, GELUNG ATAU APA-APA BENTUK LAIN) YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI JEPUN

(AD 01/23)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 23(2) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan peraturan 11 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], Kerajaan membuat suatu penentuan awal bahawa tiada margin lambakan di bawah perenggan 23(1)(a) Akta wujud berkenaan dengan import produk gulungan sejuk keluli aloi atau bukan aloi dengan kelebaran kurang daripada 1300mm (pengurangan sejuk) tidak bersalut, tidak bersadur atau tidak bersepuh (dalam bentuk gegelung, kepingan, jalur, gelung atau apa-apa bentuk lain) yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan ("Kod H.S.") dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN ("AHTN") 7209.15.00 00, 7209.16.10 00, 7209.16.90 00, 7209.17.10 00, 7209.17.90 00, 7209.18.99 00, 7209.25.00 00, 7209.26.10 00, 7209.26.90 00, 7209.27.10 00, 7209.27.90 00, 7209.28.90 00, 7209.90.90 00, 7211.23.20 00, 7211.23.90 00, 7211.29.20 00, 7211.29.90 00, 7211.90.11 00, 7211.90.12 00, 7225.50.90 00, 7225.99.90 00, 7226.92.10 00 dan 7226.92.90 00 yang berasal atau diekспорт dari Jepun ("dagangan subjek") ke dalam Malaysia oleh pengeluar atau pengeksport Daido Steel Co., Ltd..

**Sebab bagi penentuan awal negatif**

2. Sebab bagi penentuan awal negatif adalah kerana harga eksport dagangan subjek yang diekспорт oleh pengeluar atau pengeksport tersebut ke dalam Malaysia melebihi nilai normalnya.

**Penerusan penyiasatan**

3. Menurut peraturan 11 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994, Kerajaan akan meneruskan penyiasatan berhubung dengan dagangan subjek yang dieksport oleh pengeluar atau pengeksport tersebut ke dalam Malaysia kerana Kerajaan berpendapat bahawa elemen yang perlu bagi pengenaan duti anti-lambakan mungkin didapati wujud jika penyiasatan diteruskan.

**Rekod penyiasatan**

4. Salinan rekod penyiasatan boleh didapati oleh orang awam di—

Pusat Sumber  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)  
Aras 2, Menara MITI  
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah  
50480 Kuala Lumpur  
Malaysia

Nombor telefon : (603) 6208 4632/4634/4646

Nombor faksimile : (603) 6211 4429

Alamat e-mel : [alltps@miti.gov.my](mailto:alltps@miti.gov.my)

Bertarikh 30 Mei 2023  
[MITI.600-2/2/23; PN(PU2)529/JLD. 31]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

## COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF NEGATIVE PRELIMINARY DETERMINATION OF AN ANTI-DUMPING DUTY INVESTIGATION WITH REGARD TO IMPORTS OF COLD ROLLED PRODUCTS OF ALLOY OR NON-ALLOY STEEL OF A WIDTH LESS THAN 1300MM (COLD-REDUCED) NOT CLAD, NOT PLATED OR NOT COATED (IN COIL, SHEET, STRIP, HOOP OR ANY OTHER FORMS) ORIGINATING OR EXPORTED FROM JAPAN

(AD 01/23)

IN exercise of the powers conferred by subsection 23(2) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*] and regulation 11 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Regulations 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], the Government makes a preliminary determination that no dumping margin under paragraph 23(1)(a) of the Act exists with regard to imports of cold rolled products of alloy or non-alloy steel of a width less than 1300mm (cold-reduced) not clad, not plated or not coated (in coil, sheet, strip, hoop or any other forms) classified under the Harmonised System Code (“H.S. Code”) and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature (“AHTN”) 7209.15.00 00, 7209.16.10 00, 7209.16.90 00, 7209.17.10 00, 7209.17.90 00, 7209.18.99 00, 7209.25.00 00, 7209.26.10 00, 7209.26.90 00, 7209.27.10 00, 7209.27.90 00, 7209.28.90 00, 7209.90.90 00, 7211.23.20 00, 7211.23.90 00, 7211.29.20 00, 7211.29.90 00, 7211.90.11 00, 7211.90.12 00, 7225.50.90 00, 7225.99.90 00, 7226.92.10 00 and 7226.92.90 00 originating or exported from Japan (“subject merchandise”) into Malaysia by the producer or exporter Daido Steel Co., Ltd..

**Reason for negative preliminary determination**

2. The reason for the negative preliminary determination is that the export price of the subject merchandise exported by the producer or exporter into Malaysia is higher than its normal value.

**Continuation of investigation**

3. Pursuant to regulation 11 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Regulations 1994, the Government will continue the investigation in relation to the subject merchandise exported by the producer or exporter into Malaysia because the Government is of the view that the elements necessary for the imposition of anti-dumping duties may be found to exist if the investigation is continued.

**Record of investigation**

4. Copies of the record of investigation are available to the public at—

Resource Centre  
Ministry of International Trade and Industry (MITI)  
Level 2, MITI Tower  
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah  
50480 Kuala Lumpur  
Malaysia

Telephone number : (603) 6208 4632/4634/4646  
Facsimile number : (603) 6211 4429  
E-mail address : [alltps@miti.gov.my](mailto:alltps@miti.gov.my)

Dated 30 May 2023  
[MITI.600-2/2/23; PN(PU2)529/JLD. 31]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Minister of International Trade and Industry*